



Rujukan Kami : JPNP.SPS.600-11/2/1Jld.5(64)
Tarikh : 17 Mac 2023
24 Syaaban 1444H

Dr. Tan Guan Heng
Ketua Pegawai Eksekutif
Akademi J&W Sdn.Bhd
1st Floor, 51-53A,
Taman Bukit Emas
47301 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN MENGANJURKAN KAUNSELING KURSUS UNIVERSITI DAN PEKERJAAN – PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) DI SEKOLAH MENENGAH BAGI LEPASAN SPM ATAU STPM

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah menerima dan meneliti permohonan daripada pihak tuan seperti yang dinyatakan dalam surat bertarikh 23 Februari 2023 kepada kami.

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pahang **tiada halangan** bagi memberi kebenaran kepada permohonan tuan untuk **Menganjurkan Kaunseling Kursus Universiti Dan Pekerjaan – Program Penajaan Pendidikan (PPP) Di Sekolah Menengah Bagi Lulusan SPM Atau STPM**. Pihak tuan perlu mengadakan perbincangan dengan **Pegawai Pendidikan Daerah** yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik bagi menjalankan urusan berkenaan memandangkan pentadbiran sekolah yang terlibat adalah di bawah pentadbiran daerah berkenaan di samping perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Mendapatkan kebenaran daripada pengetua/guru besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.2 Surat kelulusan/kebenaran tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan murid hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.7 **Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, PPD, sekolah, guru dan murid yang terlibat;**

MEMOHON KEBENARAN MENGANJURKAN KAUNSELING KURSUS UNIVERSITI DAN PEKERJAAN – PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) DI SEKOLAH MENENGAH BAGI LEPASAN SPM ATAU STPM

- 3.8 Surat kebenaran / kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama KPM;
- 3.9 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 3.10 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapatkan persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
- 3.11 Mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa sepanjang program dijalankan; dan
- 3.12 Jabatan Pendidikan Negeri Pahang berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa serta tidak mematuhi garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. Untuk makluman, pihak KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI) iaitu masa PdP murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan murid-murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu PdP murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada **hari Sabtu yang dibenarkan sahaja**.

5. Kelulusan Ini (**Memohon Kebenaran Menganjurkan Kaunseling Kursus Universiti Dan Pekerjaan - Program Penajaan Pendidikan (PPP) Di Sekolah Menengah Bagi Lulusan SPM Atau STPM**) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas **15 Disember 2023**. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Tajul Ariffly bin Mohd Ali di talian 09-571 5837 atau e-mel jpn.pahang@moe.gov.my.

Segala kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHAMMAD ROSLI BIN ABDUL RAHMAN)
Pengarah Pendidikan Pahang

s.k.:

1. Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pengurusan Sekolah

MEMOHON KEBENARAN MENGANJURKAN KAUNSELING KURSUS UNIVERSITI DAN PEKERJAAN – PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) DI SEKOLAH MENENGAH BAGI LEPASAN SPM ATAU STPM

2. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Bentong,
28700 Bentong, Pahang Darul Makmur.
3. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Bera,
28200 Bera, Pahang Darul Makmur.
4. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Cameron Highlands,
39000 Tanah Rata, Pahang Darul Makmur.
5. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut,
Km 4 Jalan Jerantut-Temerloh,
27000 Jerantut, Pahang Darul Makmur.
6. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Kuantan,
Jalan Gambut, 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
7. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Lipis,
27200 Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur.
8. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Maran,
Jalan Seri Keramat,
25600 Maran, Pahang Darul Makmur.
9. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Pekan,
26600 Pekan, Pahang Darul Makmur.
10. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Raub,
27600 Raub, Pahang Darul Makmur.
11. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Rompin,
26800 Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur.
12. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Temerloh,
28000 Temerloh, Pahang